

Headline	Petikan ucapan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir membentangkan rancangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	19 Aug 2015	Color	Full Color
Section	News	Circulation	15,000
Page No	36TO38	Readership	45,000
Language	Malay	ArticleSize	2011 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,472



# Petikan ucapan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir membentangkan rancangan lima tahun Perak di bawah RMK11

Datuk Seri Yang DiPertua, Alhamdulillah, pada hari ini saya bangun untuk membentangkan Pelan Rancangan Pembangunan Negeri Perak bagi tempoh lima tahun bermula 2016 hingga 2020 dan dibahaskan berskali dengan Kertas Dewan Bil 26/2015.

Pembentangan hari ini adalah selaras dengan pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 21 Mei 2015 yang lalu.

Dengan mengekalkan penuhpuan kepada pembangunan sosio ekonomi, Rancangan Pembangunan Negeri Perak bagi tempoh RMK11, merupakan kesinambungan kepada dasar dan pelan pembangunan, yang telah dilaksanakan sejak Rancangan Pembangunan Lima Tahun diperkenalkan pada tahun 1961.

Menyoroti perjalanan RMK10 bagi tempoh 2011–2015, untuk Negeri Perak dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM1.6 bilion, alhamdulillah, beberapa indikator dalam bidang pembasmian kemiskinan, pendidikan, infrastruktur serta pertumbuhan ekonomi memperlihatkan pencapaian memberangsangkan.

Dalam usaha pembasmian kemiskinan, bagi tempoh 2011 hingga 2014, kita berjaya mengurangkan kadar miskin tegar Ketua Isi Rumah (KIR) di bawah 0.6 peratus manakala kadar miskin KIR sekitar empat (4) peratus.

Tahap pendidikan pula, kadar literasi negeri pada tahun 2014 telah mencapai 99.2 peratus manakala kadar numerasi 99.29 peratus.

Kemudahan infrastruktur jalan raya akan terus dipertingkatkan bagi memudahkan akses ke seluruh pelusuk Negeri Perak. Setakat Ogos 2015, panjang kilometer jalan-jalan (meliputi kategori Jalan Negeri, Jalan Bandaran, Jalan Kawasan Perumahan Murah, Perbatuan Lorong Belakang, Jalan Pertanian, Jalan Kampung dan Jalan Pulau Pelancongan) yang telah didaftarkan ke dalam Malaysia Road Record Information System

(MARRIS) adalah sebanyak 25,196 kilometer. Usaha mendaftarkan jalan-jalan akan dibuat secara berterusan dalam satu inventori MARRIS di sepanjang tempoh RMK11 bagi mendapatkan peruntukan penyelenggaraan dari Kerajaan Persekutuan.

Bagi kemudahan asas pula seperti kesihatan, bekalan elektrik dan air, kemudahan sosial, rangkaian jalan raya, jalan luar Bandar dan kemudahan pendidikan telah mencapai tahap hampir 100 peratus. Usaha ini akan diteruskan dalam tempoh RMK11, bagi mencapai liputan di tahap 100 peratus. Begitu juga rangkaian jalan

raya akan dipertingkatkan Road Density Index dari 1.0 kepada 1.3 (Road Density Index didefinisikan sebagai kedudukan jalan (kilometer) berbanding keluasan kawasan (kilometer persegi).

Kecapaian RMK10 dalam aspek infrastruktur perhubungan dapat dilihat dengan siapnya projek-projek kemudahan rakyat di antaranya menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh, Landasan Berkembar Keretapi Elektrik KL Sentral - Ipoh - Padang Besar, Persimpangan Ipoh Utara (susur keluar Lebuhraya Utara Selatan) dan Persimpangan Bertingkat Alor Pongsu.

Selain dari itu, Rancangan Projek Tebatan Banjir Kerian dengan kos RM390 juta sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir kawasan yang terjejas. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Pelan Kajian Lembangan Sungai Perak untuk pemuliharaan, pengindahan dan pengairan air Sungai Perak.

Sepanjang tempoh RMK10 juga, Kerajaan Persekutuan dan Negeri mencatat kejayaan dalam sektor industri kerana telah melaksana dan memudah cara beberapa program/projek pembangunan industri antaranya seperti berikut:-

(i) Pembangunan pusat pengumpulan dan pengedaran bijih besi oleh Syarikat Vale Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd. daripada

Brazil di Teluk Rubiah, Manjung;

(ii) Projek pembangunan kilang pembuatan tayar oleh Syarikat Toyo Tires daripada Jepun di Kamunting Raya sebagai sebahagian daripada pelan Greater Kamunting;

(iii) Projek pembangunan kilang pembuatan produk locomotive oleh Syarikat CSR Rolling Stock Center (Malaysia) Sdn. Bhd. daripada China di Batu Gajah; dan

(iv) Projek Jana Manjung IV di Lumut untuk menjana tambahan kuasa elektrik kepada 4,000 megawatt sehari bagi keseluruhan Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah.

Dalam bidang pelancongan pula, pelancaran Program Tahun Melawat Perak pada tahun 2012 sejak tiga (3) tahun yang lalu telah berjaya mempromosikan Negeri Perak sebagai destinasi pelancongan utama di dalam dan luar negara. Hasilnya, kedatangan pelancong ke Negeri Perak pada tahun 2014 meningkat mele过asi sasaran awal 5 juta kepada 7.25 juta pengunjung (domestik 7 juta pengunjung, luar negara 200 ribu pengunjung) berbanding tahun sebelumnya seramai 6.35 juta

pengunjung (domestik 6.02 juta pengunjung, luar negara 330 ribu pengunjung). Kini Perak merupakan negeri yang mencatatkan kedatangan pengunjung tempatan yang tertinggi di Malaysia.

Saya juga ingin mengumumkan di dalam tempoh RMK10, Lembah Lenggong telah mendapat pengiktirafan Unesco sebagai Tapak Warisan Dunia pada 30 Jun 2012.

Gugusan Pulau Sembilan telah diwartakan sebagai Taman Negeri yang kedua selain daripada Royal Belum; bersesuaian dengan usaha kerajaan negeri dalam memenuhi inisiatif "hijau".

Dalam Program Pertanian, Perikanan dan Penternakan, Kerajaan Negeri juga telah berjaya melaksanakan beberapa program dalam tempoh RMK10. Sektor ini sangat penting untuk menjamin bekalan makanan

Headline	Petikan ucapan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambray Abd Kadir membentangkan rancangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)	Color	Full Color
Date	19 Aug 2015	Circulation	15,000
Section	News	Readership	45,000
Page No	36TO38	ArticleSize	2011 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 11,157
Journalist	N/A	PR Value	RM 33,472
Frequency	Daily		

yang mencukupi pada harga yang berpatutan. Setakat ini Negeri Perak masih merupakan pengeluar padi kedua terbesar negara, pengeksport utama itik hidup ke Singapura dan menjadi penyumbang 14.2 peratus daripada jumlah pengeluaran susu negara. Projek Ternakan Ikan Sangkar-Tilapia Tasik Banding oleh syarikat usaha sama antara Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dengan syarikat dari Norway. Ini merupakan salah satu projek perikanan berskala besar yang mencatat kejayaan cemerlang dalam negara.

Tempoh RMK10 turut merekod kejayaan dalam bidang kesihatan di mana Kerajaan telah berjaya membina beberapa projek fizikal seperti berikut untuk kemudahan rakyat:

- (i) Kompleks Pentadbiran dan Pusat Transit Kesihatan, Sungai Siput untuk kemudahan masyarakat Orang Asli;
- (ii) Tujuh Klinik Kesihatan iaitu di Pantai Remis (Manjung), Teluk Intan, Buntong (Kinta), Lenggong, Pengkalan Hulu, Simpang (Larut, Matang dan Selama) dan Sungai Siput (Kuala Kangsar); dan
- (iii) Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta yang berkapasiti 3,500 pelatih.

Di samping itu, Kerajaan turut membina bangunan-bangunan pentadbiran bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada rakyat di antaranya:

#### Kerajaan Persekutuan

- (a) Tiga projek Ibu Pejabat Polis di Daerah-daerah Perak Tengah, Seri Iskandar dan Larut, Matang dan Selama;
- (b) Empat Balai Bomba dan Penyelamat Simpang Pulai, Tronoh, Pengkalan Hulu dan Hutan Melintang;
- (c) Jabatan Audit Negara Negeri Perak;
- (d) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- (e) Pembinaan Pusat Transformasi Bandar (UTC), Ipoh; dan
- (f) Pusat Transformasi Desa (RTC), Gopeng.

#### Kerajaan Negeri

- (a) Dua Mahkamah Syariah di

Tapah dan Seri Iskandar; dan

- (b) Masjid-masjid yang telah dibina seperti Masjid Sultan Azlan Shah Batu Gajah, Masjid Batu Tiga Segari, Masjid Jamek Ar-Ridhuan Alor Pongsu, Masjid Al Ansar Halaman Meru Impian, Masjid India Muslim Sungai Siput (U), Masjid Daerah Hulu Perak, Masjid Muhammaddiah Tasek dan Masjid Sultan Idris Shah II Slim River.
- (c) Jabatan Perhutanan Negeri Perak; dan
- (d) Majlis Perbandaran Teluk Intan.

Secara keseluruhan pertumbuhan ekonomi Perak sepanjang RMK10 terus memberangsangkan. Bagi tahun 2011, KDNK negeri mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.0 peratus berbanding nasional 5.1 peratus, tahun 2012 mencatat pertumbuhan tertinggi sebanyak 7.3 peratus berbanding 5.6 peratus nasional dan pada tahun 2013 merekodkan sebanyak 5.3 peratus berbanding 4.7 peratus di peringkat nasional.

Kerajaan negeri menghargai kelulusan oleh Kerajaan Persekutuan memperluaskan peranan Pihak Berkusa Koridor Utara yang meliputi daerah Hulu Perak, Kerian, Larut Matang dan Selama, sebahagian Kuala Kangsar dan yang terbaru sehingga ke daerah Manjung akan dapat membantu meningkatkan kemajuan ekonomi daerah terlibat.

Perdana Menteri pada 21 Mei

2015 telah membentangkan di Parlimen, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) yang bertemakan "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat"; yang mencadangkan peruntukan RM260 bilion telah diumumkan.

Kerajaan Negeri Perak telah mengemukakan 849 cadangan program/projek bernilai RM12.73 bilion kepada kementerian-kementerian yang berkaitan di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Sehingga kini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang dalam peringkat tapisan bajet (budget screening) ke atas permohonan kementerian dan negeri. Senarai kelulusan program/ projek dijangka akan diumumkan sebelum akhir tahun 2015 bagi Rolling Plan pertama.

Di peringkat negeri, bagi me-

mantapkan program pembangunan, kerajaan negeri mengambil inisiatif mengadakan jalinan maklum balas (engagement) dengan semua pihak di pelbagai peringkat jabatan selaras dengan Gagasan Perak Amanjaya.

Secara jujur, kita perlu mengakui hakikat bahawa keterbatasan sumber hasil negeri adalah kekangan utama pembangunan negeri. Berpandukan latar belakang itu, kerajaan negeri dengan ini mencadangkan siling peruntukan pembangunan sebanyak RM1.76 bilion bagi tempoh lima tahun RMK11, iaitu pertambahan sepuluh peratus (10 peratus) dari RM1.6 bilion dalam RMK10.

Beberapa sesi tapisan bajet (budget screening) melibatkan pelbagai jabatan serta agensi telah diadakan bagi menimbang tara agihan RM1.76 bilion itu mengikut keperluan pembangunan dan juga amalan perbelanjaan berhemah.

#### TERAS RMK11 NEGERI

- (i) Merancakkan pertumbuhan ekonomi melalui rantaian bahan kearah mencapai pelan Pembangunan Perak Amanjaya dan Wawasan 2020;
- (ii) Meneruskan pembangunan secara inklusif dan mapan untuk segenap lapisan masyarakat dan berteraskan rakyat;
- (iii) Memperkasakan modal insan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat;
- (iv) Memperkuuhkan jaringan infrastruktur secara lestari sebagai asas pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat;
- (v) Menggalakkan kreativiti dan inovasi sebagai pelonjak baru ekonomi yang mapan dan berdaya saing;
- (vi) Memantapkan teras pembangunan yang bersifat seimbang antara mental, fizikal dan spiritual; dan
- (vii) Merapatkan jurang antara wilayah dan demografi melalui pembangunan koridor ekonomi.

#### PROGRAM RMK11

Bagi melipatgandakan lagi pertumbuhan ekonomi negeri, dalam tempoh RMK11, kerajaan negeri akan merealisasikan program/projek

Headline	Petikan ucapan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambray Abd Kadir membentangkan rancangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	19 Aug 2015	Color	Full Color
Section	News	Circulation	15,000
Page No	36TO38	Readership	45,000
Language	Malay	ArticleSize	2011 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,472

dengan penyertaan pelabur asing dan swasta selain dari pembiayaan awam. Usaha merapatkan jurang antara wilayah dan demografi akan diteruskan melalui pembangunan koridor ekonomi.

### **PEMBANGUNAN KORIDOR EKONOMI WILAYAH**

#### **Wilayah Perak Selatan (WPS)**

WPS adalah berkonsepkan pembangunan secara berfokus. Ia akan dibangunkan berdasarkan satu pelan induk yang menyeluruh bagi merangsang pembangunan sosio-ekonomi secara holistik dan lestari. WPS merangkumi dua daerah iaitu Batang Padang dan Hilir Perak dengan keluasan hampir 450,000 hektar. Komponen utama WPS adalah Pembangunan Perak Eco Industrial Hub (PECOH) dan Rungkup Terminal City:

##### **(i) Pembangunan Perak Eco Industrial Hub (PECOH)**

PECOH merupakan pembangunan di atas tanah tebus guna seluas 1,376 hektar di Mukim Rungkup, Hilir Perak. Ia merangkumi pembangunan terminal dan perindustrian bagi industri besi dan keluli bersepadu serta industri sokongan yang berkaitan.

##### **(ii) Rungkup Terminal City**

Rungkup Terminal City melibatkan kawasan seluas 1,638 hektar bagi pembangunan terminal, kemudahan pengangkutan laut bersepadu dan pembangunan bercampur.

### **Perbadanan Pembangunan Persisir Pantai, Terminal dan Jeti**

Seterusnya dalam RMK11 juga dicadangkan penubuhan Perbadanan Pembangunan Persisir Pantai, Terminal dan Jeti untuk membangunkan pesisir pantai sepanjang 230 kilometer dengan terminal dan jeti. Dalam hubungan ini, Bandar Lumut dicadang dijadikan sebagai Bandar Pelabuhan, Pulau Pangkor sebagai Bandar Pelancongan, Teluk Batik dan Teluk Senangin dimajukan sebagai Pantai Pelancongan.

### **Penubuhan Daerah Baru Muallim**

Kerajaan Negeri telah mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi penubuhan daerah baharu dikenali sebagai Daerah Muallim. Penubuhannya tepat pada masanya selaras dengan kepesatan pembangunan di Tanjung Malim yang merupakan sebahagian kawasan WPS.

### **Pembangunan T-City**

RMK11 turut menyaksikan Pembangunan T-City yang mengandungi komponen pembangunan bercampur di atas kawasan seluas 172.5 hektar melibatkan Daerah Kinta dan Kampar. Antara komponennya yang penting ialah pembinaan Litar Formula 2, Automotive Factory Outlet, Street Mall dan hotel.

### **Pembangunan Warisan Perdana Ipoh (Ipoh Sentral)**

Pembangunan ini akan dimulakan dalam tempoh RMK11 untuk membangunkan semula kawasan "segitiga emas" Lembah Kinta dengan anggaran pelaburan RM2 bilion. Projek ini dirancang supaya menjadi mercu tanda baru bagi Bandaraya Ipoh.

### **INFRASTRUKTUR AWAM**

Projek-projek baru yang dicadangkan dalam tempoh RMK11 selain bertujuan merancakkan pertumbuhan pembangunan serta aksesibiliti yang memendekkan masa perjalanan, dapat menyokong pertumbuhan ekonomi di sektor pembuatan, pertanian, pembinaan, perlombongan dan perniagaan domestik. Bagi maksud ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Projek Naik taraf Jalan Persekutuan Lumut-Taiping (FT60), Fasa 1 dan 2 dari Segari ke Pantai Remis yang pada masa ini di peringkat Value Management yang akan dimulakan pelaksanaannya dalam tempoh RMK11. Di peringkat negeri, kerajaan meneruskan program pembinaan jalan-jalan baharu serta menaik taraf jalan-jalan dan jambatan sedia ada.

Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) Banting – Taiping yang sepanjang 233 kilometer (km) ini (panjang di Negeri Perak sejauh 172 km, dengan 11 persimpangan) menjadi alternatif kepada Lebuhraya Utara – Selatan

(PLUS) yang sesak setiap hujung minggu dan musim perayaan. WCE akan menjadi penggerak terutama

kepada komuniti perniagaan di negeri ini kerana ia menghubungkan bandar-bandar persisiran Pantai Barat termasuk pelabuhan Klang dan Lumut. WCE akan merancakkan lagi kegiatan ekonomi di sepanjang jajaran berkenaan.

Bagi memudahkan pergerakan masyarakat bandar, kerajaan negeri bersama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) merancang untuk mengadakan rail laluan bandar menghubungkan bandar utama dalam Lembah Kinta iaitu Kampar - Batu Gajah – Ipoh - Sungai Siput.

Projek lain yang juga dicadang dilaksanakan dalam tempoh RMK11 adalah Projek Menaik Taraf Jalan dari Simpang Empat Hutan Melintang ke Bagan Datoh, membina jalan baharu dari Jalan Paku(A123) ke Kampung Koh (A131) dan seterusnya ke Kampung Baru Menderang (A131) Sungkai, membina Jalan Sungai Ipil/ Sungai Dulang Daerah Hilir Perak dan membina Jalan dari Kampung Baru ke Kampung Telok, Manjung.

Bagi Program Pembangunan Pejabat Pentadbiran Kerajaan pula, fokus utama adalah kepada projek-projek sambungan RMK10 untuk pembinaan bangunan baharu dan kerja menaiktaraf serta penyelenggaraan. Turut dicadangkan dalam RMK11 ialah pembinaan Kompleks Pentadbiran Daerah Kerian dan Daerah Manjung, kuarters kerajaan dan pejabat-pejabat penghulu.

### **PERINDUSTRIAN**

Dalam sektor perindustrian, kerajaan negeri telah membuat persiapan pelaksanaan projek berikut:

**(i) Pelan Pembangunan Greater Kamunting yang melibatkan pembesaran kawasan perindustrian Kamunting Raya bagi kemasukan pelabur-pelabur baru dalam tempoh RMK11;**

**(ii) Dalam tempoh RMK11, Kerajaan Negeri bercadang memajukan Ipoh Aerospace Park di kawasan berhampiran Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh.**

Headline	Petikan ucapan Menteri Besar, Datuk Sen Dr Zamby Abd Kadir membentangkan rancangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)	Color	Full Color
Date	19 Aug 2015	Circulation	15,000
Section	News	Readership	45,000
Page No	36TO38	ArticleSize	2011 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 11,157
Journalist	N/A	PR Value	RM 33,472
Frequency	Daily		

Industri ini diyakini dapat melonjakkan nama Negeri Perak kerana masih terdapat kekurangan bekalan berbanding permintaan dalam bidang Maintenance, Repair and Overhaul (MRO) di Malaysia; **(iii)** Kampung Aceh Free Zone (KAFZ) dicadang diwujudkan di Kampung Aceh berhampiran Lumut Maritime Terminal untuk memudahkan urusan import eksport kargo-kargo. Cadangan ini sedang dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan; **(iv)** Lembah Beriah Metropolis City dirancang pelaksanaannya di sepanjang tempoh RMK11. Ia mengandungi komponen pembangunan komersil dan industri. Uniknya Lembah Beriah

Metropolis City ini kerana mempunyai Kampus Cawangan UKM yang akan berkolaborasi dengan kilang-kilang dari pihak industri yang akan berperanan sebagai fakulti merangkap pusat latihan industri kepada Kampus ini; **(v)** Green Asia Aerospace Technology Park dirancang akan dibangunkan di Seri Iskandar bertindak sebagai hub aero angkasa. Ia akan menempatkan 20 syarikat induk dan 60 pengusaha kecil dan sederhana yang menawarkan 2000 peluang pekerjaan di tapak seluas hampir 81 hektar; **(vi)** Hub Locomotive Batu Gajah dicadang dibina di Batu Gajah sekitar kawasan kilang CSR Rolling Stock Centre Sdn. Bhd. Kawasan ini akan menjadi hub pengeluaran komponen-komponen lokomotif termasuklah perkhidmatan Maintenance, Repair and Overhaul (MRO) bagi negara; dan **(vii)** Hub Automotif Proton City turut dicadang dilaksanakan dalam tempoh RMK11 di kawasan Tanjung Malim. Kemudahan infrastruktur dan vendor-vendor automotif yang sedia ada di Tanjung Malim dapat mempercepatkan kewujudan Hub Automotif Proton City di Tanjung Malim.

#### **PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI** **Ekonomi Luar Bandar**

Dalam RMK11, terdapat empat

inisiatif kerajaan negeri bagi pembangunan luar bandar:

- (i)** Peningkatan dan penambahbaikan infrastruktur asas luar bandar;
- (ii)** Pengupayaan masyarakat melalui peningkatan taraf hidup, pembiayaan perniagaan dan pembasmiaran kemiskinan;
- (iii)** Penggalakan aktiviti kemasyarakatan, keagamaan, rekreasi dan sukan; dan
- (iv)** Penekanan terhadap pembangunan modal insan masyarakat luar bandar dan pelbagai kaum.

#### **Pembasmian Kemiskinan**

Kerajaan negeri akan meneruskan pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan dalam tempoh RMK11. Program yang akan terus dilaksanakan adalah Program Mikro Kredit, Kiosk Amanjaya dan Program Bantuan Rumah dibawah pengendalian Yayasan Bina Upaya. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga turut membantu dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan melalui Program Peningkatan Pendapatan, Program 1Azam, Program Bantuan Rumah meliputi bina baru dan baikpulih rumah serta Saham FELCRA. Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Baitumal akan turut memberikan

bantuan bulanan kepada golongan miskin yang telah dikenalpasti.

#### **Pembangunan Usahawan**

Program Pembangunan Usahawan akan terus diperkasakan dalam tempoh RMK11. Antara program yang dicadang adalah seperti berikut:

- (i)** Program Tunas Niaga (PROTUNE);
- (ii)** Program Agropreneur Muda yang mensasarkan golongan belia;
- (iii)** Program Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga, Skim Pembentayaan Kluster Ekonomi Keluarga Amanjaya dan Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) oleh Yayasan Bina Upaya diteruskan dalam RMK11 bagi membolehkan pemohon yang

berkelayakan menjalankan perniagaan; dan

- (iv)** Pembinaan Pusat Pembangunan Usahawan (PPU) di Meru Raya oleh PKNP akan dijadikan sebagai pusat sehenti bagi aktiviti keusahawanan di Negeri Perak yang berperanan sebagai pusat pengumpulan, pembungkusan, promosi dan pengedaran hasil produk Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) dari daerah-daerah di Negeri Perak melalui Program Pusat Pengumpulan dan Pembungkusan Industri Desa.
- (v)** Mewujudkan usahawan-usahawan PKS bagi produk halal dan Belia Tani setiap daerah.

#### **KESIHATAN** **Program Kawalan dan Pencegahan Demam Denggi**

Seperti yang diketahui, Negeri Perak dilanda wabak denggi pada November 2014 melibatkan terutamanya Daerah Kinta. Berikutan ini, satu Jawatankuasa Menangani Wabak Denggi Peringkat Negeri Perak telah diwujudkan dengan objektif utama adalah untuk menyelaraskan aktiviti antara agensi secara bersepada. Hasilnya kejadian demam denggi di Negeri Perak telah berjaya diturunkan dari lingkungan 300 - 400 kes seminggu pada awal tahun 2015 kepada kini hanya lebih kurang 100 kes seminggu. Dua kawasan hotspot tegar telah berjaya dikeluarkan dari senarai kebangsaan. Dalam RMK11, agenda merangka wabak denggi menjadi keutamaan untuk mengelak berulangnya penularan wabak denggi dan penyakit berjangkit yang lain.

Beberapa projek baharu hospital dicadang dibina untuk kemudahan rakyat mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan yang lebih baik iaitu:

- (i)** Hospital Parit Buntar dan Hospital Kampar yang meskipun telah diumumkan tetapi pelaksanaannya dalam RMK11;
- (ii)** Hospital Seri Iskandar;
- (iii)** Naik taraf Hospital Manjung; dan
- (iv)** Klinik Kesihatan Manjoi.

Bagi Hospital Raja Permaisuri

Headline	Petikan ucapan Menteri Besar, Datuk Sen Dr Zambyr Abd Kadir membentangkan rancangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	19 Aug 2015	Color	Full Color
Section	News	Circulation	15,000
Page No	36TO38	Readership	45,000
Language	Malay	ArticleSize	2011 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,472

Bainun (Blok Wanita dan Kanak-kanak) yang sedang dibina, akan dapat disiapkan dalam tempoh RMK11 dan ini memberi keselesaan kepada pesakit-pesakit.

## PENDIDIKAN

Bagi maksud ini, kerajaan negeri mengalu-alukan penubuhan universiti, kolej dan sekolah baharu antaranya seperti berikut:

- (i) University College Sedaya International (UCSI) yang kini dikenali sebagai Universiti UCSI di Seri Iskandar dirancang pembinaannya dalam tempoh RMK11. Apabila siap sepenuhnya, kampus ini dijangka akan mempunyai seramai 2,000 pelajar;
- (ii) Kerajaan Negeri akan meneruskan pembinaan lima lagi Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan bagi kawasan Selama, Lenggong, Bagan Datoh, Sungai Siput dan Gunung Semanggol yang akan memberi manfaat kepada 300 pelajar di setiap lokasi;
- (iii) Kerajaan Persekutuan juga bercadang membina Sekolah Berasrama Penuh di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di Segari, Lumut;
- (iv) Dalam tempoh RMK11, Kolej Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) merancang untuk dinaiktarafkan menjadi universiti awam sepenuhnya. Perancangan dan rundingan dengan Kerajaan Persekutuan telah pun bermula;
- (v) Selain daripada projek-projek yang dinyatakan di atas, Negeri Perak juga akan menerima pelaburan bagi pembinaan kolej-kolej swasta dari semasa ke semasa termasuklah Quest International University dan Universiti Nottingham;
- (vi) Kolej Kemahiran Tinggi MARA di Selama; dan
- (vii) Pusat Pembangunan Modal Insan Perak (Perak Human Capital Development Centre) bagi menampung keperluan tenaga mahir dan separa mahir.

## PERTANIAN, PERIKANAN & PENTERNAKAN

Pelaksanaan Pembangunan

Pertanian di Negeri Perak adalah berdasarkan Perak Amanjaya, Model Baru Ekonomi dan Dasar Agromakan Negara (2011-2020) serta dokumen Wawasan 2020 Negeri Perak bertujuan meningkatkan jaminan makanan (food security) negeri melalui transformasi modus operandi pertanian kepada pengeluaran komersil.

Pembangunan berskala besar yang dilaksanakan dalam tempoh RMK11 adalah seperti berikut:-

- (i) Projek pengeluaran sayur-sayuran dan agrotourism oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) dengan syarikat usaha sama untuk menampung bekalan makanan negara;
- (ii) Lenggong Agro Valley (LAV) akan diwujudkan bagi tujuan pembangunan pertanian bersepadan merangkumi penternakan, akuakultur dan agrotourism;
- (iii) Mewujudkan Taman-taman Herba dengan penanaman lebih banyak spesis herba bagi tujuan agrotourism, penyelidikan dan perubatan; dan
- (iv) Menambahkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Bukit Sapi, Perlop dan Degong selain daripada kawasan yang sedia ada di Lekir, Gua Tempurung, SKC Slim, Sungkai dan Titi Gantung untuk meningkatkan pengeluaran bekalan makanan.

Dengan pelaksanaan projek-projek ini, perancangan kerajaan negeri menjadikan Perak sebagai lembah makanan diharap akan tercapai. Ini selaras dengan pencapaian Negeri Perak yang merupakan negeri pengeluar buah-buahan yang keempat tertinggi di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 98,000 metrik tan (2014) pada tahap Tahap Saraf Diri 44 peratus dari keluasan 18,000 hektar (2014). Pembangunan industri buah-buahan dalam RMK11 akan memberi fokus kepada buah-buahan terpilih termasuk nangka dan nenas selain daripada buah-buahan tempatan utama yang lain.

Dalam RMK11 ini, buat pertama

kalinya kerajaan negeri menyediakan peruntukan khusus kepada Jabatan Perikanan Negeri Perak bertujuan mengawal selia pembangunan perikanan darat. Kebanyakan ikan asli mempunyai nilai komersil seperti ikan Kelah, Temoleh, Tengalan, Terbul, Baung, Loma dan sebagainya.

Program bagi ternakan ruminan dan unggas akan dipertingkatkan termasuk memastikan penternak ayam menggunakan sistem tertutup sepenuhnya.

## PERUMAHAN

Saya telah menyebut beberapa perkara besar perancangan kerajaan negeri dalam tempoh RMK11. Namun begitu, saya tidak lupa membuat perancangan program ekonomi rakyat. Antaranya seperti pembinaan rumah mampu milik. Menyedari kepentingan perumahan rakyat, Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Perak (LPHP) dengan sasaran membina lima Projek Perumahan Rakyat dan satu projek Perumahan Penjawat Awam

1Malaysia (PPA1M) berjumlah 1,600 unit rumah di enam lokasi yang telah dikenal pasti. Kerajaan juga telah menyediakan Dasar Perumahan Negeri sebagai panduan kepada pemaju perumahan.

Kerajaan Persekutuan turut membantu negeri ini dalam menyediakan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah menerusi projek seperti Perumahan Nelayan dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sedang dilaksanakan. Program Perumahan Rakyat Satu Malaysia (PR1MA) turut dilaksanakan di beberapa lokasi di Negeri Perak.

Keseluruhan usaha ini dijangka dapat mencapai sasaran pembinaan rumah mampu milik berjumlah 35,000 unit (Perumahan Rakyat 20,000 unit, SPNB & PR1MA 15,000 unit). Jumlah ini termasuk pembinaan perumahan oleh syarikat-syarikat milik kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (10,000 unit), Perbadanan Menteri Besar (6,000 unit), Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (1,090 unit) dan syarikat-syarikat swasta yang bekerjasama.

Headline	Petikan ucapan Menteri Besar, Datuk Sen Dr Zamby Abd Kadir membentangkan rancangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	19 Aug 2015	Color	Full Color
Section	News	Circulation	15,000
Page No	36TO38	Readership	45,000
Language	Malay	ArticleSize	2011 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,472

## ALAM SEKITAR & PERHUTANAN

Langkah-langkah pengurusan hutan secara mapan akan terus dipertingkatkan dalam tempoh RMK11.

Kerajaan negeri komited untuk mencapai pewartaan kawasan berhutan di Negeri Perak sebagai Hutan Simpanan Kekal kepada 50 peratus. Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar di Sungkai akan dinaiktarafkan menjadi pusat konservasi antarabangsa yang berfungsi sebagai pusat rujukan dan ekopelancongan.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan memastikan sijil yang diperoleh daripada Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS) dikekalkan.

Kempen penanaman 2 juta pokok yang disasarkan pada tahun 2014 telah mencapai lebih sasarnya apabila sejumlah 5 juta pokok berjaya ditanam. Sasaran dalam tempoh lima tahun akan datang, sekurang-kurangnya 5 juta lagi pokok akan ditanam.

Kerajaan negeri juga akan melaksanakan Living Collection Centred dalam usaha jangka panjang di kawasan koridor ekologi dengan menanam spesies terancam selain bekerjasama dengan FRIM menjalankan penyelidikan di atas tapak diluluskan seluas 60 ekar.

## PELANCONGAN Ekopelancongan

Royal Belum yang berusia melebihi 130 juta tahun merupakan produk utama ekopelancongan. Bagi tujuan ini, usaha sedang dibuat supaya Royal Belum juga turut menjadi satu lagi Tapak Warisan Dunia Unesco. Di samping itu, bagi memudahkan pengunjung ke Royal Belum, satu landasan terbang dirancang dibina di

Hulu Perak. Satu Pelan Ekopelancongan Hulu Perak-Belum-Lenggong-Banding dicadang disediakan untuk menjadikan kawasan ini sebagai pusat peranginan dan persidangan pemimpin dunia dan syarikat antarabangsa mengadakan pemukiman (retreat).

Pertumbuhan hotel di Perak juga turut meningkat dan telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Dalam tempoh RMK11, kerajaan negeri bercadang mewujudkan hotel-hotel bertaraf

empat dan lima bintang.

Kerajaan negeri juga mempertingkatkan sektor pelancongan menerusi projek Pembangunan Taman Animasi (Movie Animation Park) di Bandar Meru Raya. Projek dijangka siap penghujung tahun 2015 dan mula beroperasi pada Mei 2016. Taman Animasi ini dijangka menerima 1.4 juta pengunjung setahun dan akan membuka sebanyak 4,000 peluang pekerjaan apabila ianya siap kelak. Selain itu, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) turut terlibat dalam program Perak Agrotourism Resort (PATRO) dalam kawasan Ladang Integrasi Sosial Dan Agrotourism untuk golongan ibu tunggal, belia dan orang asli.

Bandar Lumut yang dikenali sebagai Bandar TLDM dan Maritim akan diperkemas lagi dengan penubuhan Muzium TLDM. Destinasi pelancongan yang lain juga akan diketengahkan dalam tempoh RMK11 peringkat kebangsaan seperti Pantai Teluk Senangin, Gua Batu Kapur, Air Terjun Lata Kinjang, Air Terjun Lata Iskandar dan Pusat Konservasi Penyu (Tuntung) Bota.

## Pusat Persidangan dan Pameran (MICE)

Pusat Konvensyen Ipoh yang telah dimulakan pembinaannya dijangka siap dan memulakan operasinya dalam tempoh RMK11. Pusat ini mengandungi dewan utama, pusat persidangan, dewan pameran, hotel, pangaspuri perkhidmatan, bilik-bilik mesyuarat dan lot-lot perniagaan. Ia akan dapat menarik program-program MICE di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

## Pelancongan Kesihatan

Pelancongan perubatan/kesihatan dipromosikan oleh pihak Kerajaan Negeri dan ini secara tidak langsung memberi jaminan kepada pelawat terhadap kualiti, piawaian dan peraturan dalam industri ini. Kos perubatan di Negeri Perak adalah kompetitif berbanding dengan Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dan ini menjadi tarikan utama kepada masyarakat di sekitar Medan, Indonesia dan Singapura. Beberapa inisiatif sedang dilakukan dengan

pelabur dalam sektor pelancongan kesihatan bagi membina hospital-hospital swasta. Kerajaan juga bercadang untuk membina Pusat Rawatan Susulan dengan kerjasama syarikat antarabangsa.

## AGAMA ISLAM

Selaras dengan Perlembagaan Malaysia yang meletakkan agama Islam sebagai agama Persekutuan, pembinaan pusat pentadbiran agama Islam di peringkat Negeri Perak akan dilaksanakan dalam tempoh RMK11. Pusat ini dilengkapi dengan ruang pejabat yang selesa supaya perkhidmatan kepada pengguna dapat diberikan dengan lebih berkesan. Untuk itu, Kerajaan Negeri bercadang membina dua buah Mahkamah Syariah iaitu di daerah Larut Matang dan Selama dan daerah Hilir Perak dan pondok pengajian warga emas dalam tempoh RMK11.

## KESELAMATAN

Pembangunan Kompleks Ibu Pejabat Polis Kontinen Perak (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh Barat, IPD Ipoh Timur dan Balai Polis Bandar;

Dalam tempoh RMK11, Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negeri akan membangunkan IPK, IPD dan Balai Polis Bandar bagi meningkatkan kawalan keselamatan di Lembah Kinta.

## RASIONAL DAN JUSTIFIKASI

Siling peruntukan sebanyak RM1.76 bilion bagi RMK11, iaitu pertambahan 10 peratus berbanding RMK10, dijangka mendapat pelbagai reaksi dari golongan tertentu.

Kerajaan negeri mengambil pendekatan realistik berpandukan prinsip A.R.A.S. yang digunakan dalam penyediaan Bajet Tahunan Negeri yang berpaksi kepada Mampu, Realistik, Bolehcapai dan Mapan atau dalam bahasa Inggerisnya Affordable, Realistic, Achievable and Sustainable (A.R.A.S.).

Pernyataan hasrat ini disandarkan kepada kebarangkalian mendapatkan sumber dana ataupembentukan melalui-

(i) Sumber Negeri;

Headline	Petikan ucapan Menteri Besar, Datuk Sen Dr Zamby Abd Kadir membentangkan rancangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Perak)		
Date	19 Aug 2015	Color	Full Color
Section	News	Circulation	15,000
Page No	36TO38	Readership	45,000
Language	Malay	ArticleSize	2011 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,472

- (ii) Pinjaman atau geran dari Kerajaan Persekutuan;
- (iii) (Atau) pembiayaan melalui PFI (Private Finance Initiative); dan
- (iv) (Atau) mana-mana sumber yang munasabah.
- Di antara projek-projek yang termasuk di dalam pernyataan hasrat ini ialah:
- (i) Bangunan baharu Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, di Meru Raya; dan
- (ii) Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak.

